



**GARIS PANDUAN
BRING YOUR OWN DEVICE (BYOD)
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK**

DISEDIAKAN OLEH :

Unit Operasi dan Rangkaian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak

1. PENGENALAN

BYOD merupakan peranti mudah alih persendirian seperti telefon pintar, tablet dan komputer riba yang digunakan oleh pengguna untuk melaksanakan tugas rasmi. Namun begitu, penggunaan peranti mudah alih ini berpotensi sebagai penyumbang kepada risiko keselamatan perlindungan maklumat organisasi dan perlu dikawal selia dengan baik agar memberi manfaat kepada semua pihak.

Garis panduan ini disediakan untuk tatacara penggunaan secara selamat bagi semua peranti mudah alih yang digunakan dan disambungkan dengan rangkaian PerakNet di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

2. OBJEKTIF

Pengguna bertanggungjawab memastikan langkah-langkah keselamatan perlindungan berkaitan penggunaan *BYOD* dilaksanakan bagi memenuhi objektif seperti berikut :

- i) Mengelak risiko kebocoran dan salah guna maklumat rasmi
- ii) Mengelak ancaman keselamatan ke atas infrastruktur ICT
- iii) Memastikan produktiviti penjawat awam tidak terjejas dalam menjalankan urusan rasmi jabatan
- iv) Meningkatkan integriti data terutama maklumat rasmi yang disimpan di dalam peranti *BYOD* agar tidak disalah guna

3. KATEGORI PERANTI *BYOD* YANG DIBENARKAN

Senarai kategori peranti *BYOD* yang dibenarkan untuk digunakan adalah seperti berikut:-

PERALATAN	SISTEM PENGOPERASIAN
Komputer Riba	<i>iOS / Windows / Linux</i>
Tablet	<i>Android / Windows/ iOS</i>
Telefon Pintar	<i>iOS / Android / Windows Phone</i>

4. TATACARA PENGGUNAAN *BYOD*

Pengguna *BYOD* perlu mematuhi tatacara penggunaan :

- i) Penggunaan *BYOD* perlu didaftar untuk mendapat kelulusan Ketua Jabatan dan direkodkan oleh jabatan. Penggunaannya untuk urusan rasmi dan terhad kepada capaian berikut:

- a. Urusan e-mel
 - b. Maklumat perhubungan
 - c. Kalendar
 - d. Menguruskan maklumat rasmi
- ii) Semua peringkat maklumat rasmi kerajaan adalah Hak Milik Kerajaan.

5. LARANGAN PENGGUNAAN

Pengguna *BYOD* adalah **DILARANG** daripada melakukan perkara berikut:

- i) Menggunakan rangkaian PerakNet Pejabat SUK Perak tanpa kebenaran.
- ii) Menggunakan peranti untuk mengakses, menyimpan dan menyebarkan maklumat rasmi kepada pihak yang tidak dibenarkan.
- iii) Menggunakan peranti untuk tujuan peribadi yang boleh mengganggu produktiviti kerja.
- iv) Menjadikan peranti sebagai medium sandaran (*backup*) daripada komputer.
- v) Membuat rakaman, mengedar, menyalin audio dan video rasmi untuk tujuan peribadi.
- vi) Menjadikan peranti sebagai *access point* kepada aset ICT jabatan untuk capaian ke Internet tanpa kebenaran.
- vii) Mengabaikan keselamatan peranti dengan sengaja.

6. KESELAMATAN

Pengguna *BYOD* yang telah didaftarkan perlu memastikan peranti yang digunakan mempunyai kawalan keselamatan seperti berikut:

- i) Peranti dan aplikasi yang mengandungi maklumat rasmi Kerajaan hendaklah dilindungi oleh kata laluan.
- ii) Peranti hendaklah mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti antivirus, *anti-theft* dan seumpamanya.
- iii) Menetapkan mekanisme kawalan akses peranti dan akan mengunci secara automatik apabila tidak digunakan.
- iv) Melaksanakan penyulitan dan/atau perlindungan ke atas fail yang mempunyai maklumat rasmi Kerajaan yang disimpan di dalam peranti.

7. RISIKO / LIABILITI / PENAFIAN

Kakitangan adalah bertanggungjawab dan boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya didapati menyalahgunakan peranti yang menyebabkan kehilangan/

kerosakan/pendedahan maklumat rasmi Kerajaan. Jabatan tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan data *BYOD* yang digunakan untuk tujuan rasmi jabatan.

8. PROSEDUR PENDAFTARAN *BYOD*

Tanggungjawab pegawai-pegawai yang terlibat untuk pendaftaran *BYOD* adalah seperti berikut:

(a) Ketua Jabatan

- i. Melantik Pentadbir *BYOD* jabatan
- ii. Menyemak dan melulus/menolak permohonan
- iii. Menyelaras dan mengambil tindakan atas sebarang pelanggaran penggunaan *BYOD*

(b) Pentadbir *BYOD*

- i. Mengurus, mendaftar dan merekod permohonan
- ii. Memantau dan melaporkan sebarang ketidakpatuhan kepada Ketua Jabatan untuk tindakan susulan
- iii. Melaporkan kehilangan peranti kepada Ketua Jabatan dan Pegawai ICTSO

(c) Pemohon

- i. Mengemukakan permohonan pendaftaran peranti milik peribadi untuk tujuan rasmi menggunakan borang yang disediakan
- ii. Mematuhi tatacara penggunaan yang digariskan dalam garis panduan ini

9. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan atau masalah mengenai Garis Panduan *Bring Your Own Device (BYOD)* boleh diajukan kepada :

Bahagian Pengurusan Maklumat,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak,
Aras G, Bangunan Perak Darul Ridzuan,
30000, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
Ipoh, Perak.

No. Telefon : 05-5225070

No. Faks : 05-2414869